

Hari Terbuka IPGKDA 2018

Unit Pembangunan Akademik telah menganjurkan Hari Terbuka IPGKDA (HTI) 2018 pada 25 Julai 2018. HTI kali ini dianjurkan bersama Pejabat Pendidikan Daerah Kubang Pasu telah melibatkan pegawai FasiLINUS, SISC+, pengetua, guru besar dan guru dalam mengendalikan aktiviti yang dirancang.

HTI berfokus kepada merealisasikan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia, iaitu mengaplikasikan amalan terbaik dalam pelaksanaan pedagogi dalam pembelajaran dan pengajaran (PdP) selari dengan hasrat yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025.

Program HTI dipenuhi dengan aktiviti *open classroom*, pembelajaran koperatif dan forum *PLC yang* diyakini mampu memberikan impak kepada peserta dalam menambah ilmu dan memperkukuhkan amalan dan pelaksanaan pedagogi. Aktiviti yang dilaksanakan juga telah memberikan gambaran yang jelas bahawa amalan di lapangan, iaitu di dalam bilik darjah dan sekolah amatlah mencabar dan memerlukan kebijaksanaan guru dalam mengaplikasi dan melaksanakan aspek PAK21 dalam penyampaian kurikulum ke arah membentuk kemenjadian murid.

Elemen tersebut merupakan antara matlamat yang diberi penekanan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia melalui Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25), iaitu memaksimumkan potensi guru dan murid menerusi kualiti pembelajaran dan pengajaran.